



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN TERIMA ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2019**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) bagi Tahun 2019 daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri. Anugerah ini mengiktiraf komitmen PTPTN yang mempamerkan tadbir urus keselamatan perlindungan terbaik dengan mencapai penarafan Cemerlang (Lima Bintang).
2. Penyampaian sijil disempurnakan oleh Encik Syarifuddin bin Palawa, Pengarah CGSO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN di Menara PTPTN, Kuala Lumpur dan disiarkan secara *online* di *Facebook* rasmi PTPTN.
3. Encik Ahmad Dasuki berkata, “Pengiktirafan yang diberikan ini merupakan satu penghargaan yang sangat besar dan bermakna kepada PTPTN. Ia membuktikan PTPTN sentiasa komited mengamalkan tadbir urus terbaik untuk memastikan keselamatan perlindungan dari segi keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan kerahsiaan maklumat terutama dokumen rahsia rasmi dan keselamatan peribadi. Ianya juga bagi mengelakkan pelanggaran keselamatan seperti ancaman kebocoran, kecurian, akses tanpa kebenaran dan sebagainya.”
4. “Menjadi keutamaan PTPTN untuk memastikan keselamatan aset dan maklumat terjamin sepenuhnya pada setiap masa dengan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya. Dalam aspek ini, PTPTN sentiasa peka terhadap dasar dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan dengan mematuhi arahan-arahan keselamatan yang digubal,” tambah beliau.
5. Encik Syarifuddin bin Palawa, Pengarah CGSO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata, “Tahniah diucapkan kepada PTPTN kerana telah berjaya mencapai penarafan Cemerlang (Lima Bintang) bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019. Proses untuk mendapatkan pengiktirafan ini bukanlah mudah. Penarafan itu dibuat hasil program Inspektorat Keselamatan Perlindungan yang dilaksanakan di PTPTN. Status penarafan ini diberikan berdasarkan penilaian semua pembuktian yang

telah dikemukakan semasa inspektorat. Kriteria yang diambil kira untuk melayakkan pengiktirafan ini ada empat (4) perkara iaitu keselamatan umum, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan personal. PTPTN merupakan salah satu jabatan dan agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mencapai penarafan cemerlang lima bintang daripada 10 agensi yang terpilih.

6. AKKP merupakan program khas yang diperkenalkan oleh Ketua Setiausaha Negara bertujuan mengiktiraf tadbir urus terbaik di kalangan jabatan dan agensi kerajaan. Tujuan utamanya ialah menyemarakkan pembudayaan keselamatan perlindungan di kalangan pegawai awam dan pada masa yang sama menggalakkan jabatan kerajaan untuk bersaing secara sihat bagi mencapai pengiktirafan tertinggi.

7. Dengan pencapaian yang membanggakan ini, PTPTN selaku agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan terus komited memberi penekanan kepada aspek keselamatan perlindungan secara menyeluruh. iaitu keselamatan dokumentasi, aset dan keselamatan dan kesihatan pekerja. PTPTN tidak hanya tertumpu kepada keselamatan aset dan dokumen sahaja, malah sentiasa memberi keutamaan dalam usaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat untuk seluruh warga PTPTN dan para pelanggan selaras dengan peraturan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.